

Strategi wawasan Tun M tak diubah: PM

Keadaan semasa diambil kira capai matlamat Wawasan 2020

BH - 23/8/2005

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Strategi Wawasan 2020 yang digariskan Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1991 tidak akan diubah atau dikaji semula, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Strategi itu sudah ada, tetapi kerajaan terpaksa mengambil kira keadaan semasa.

"Ibarat orang main bola sepak, setiap orang mahu menang. Tetapi bagaimana kita nak main dalam suasana hujan dan sebaliknya, menentukan sama ada kita boleh menang atau tidak," katanya selepas majlis penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2004 Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di sini, semalam.

Beliau ditanya sama ada strategi yang digariskan Dr Mahathir sebelum ini akan dikaji semula berikutan usaha kerajaan merumuskan pendekatan lebih khusus dengan memberi penekanan terhadap beberapa perkara, termasuk pembangunan insaniah dan pendidikan sebagai persiapan memasuki fasa kedua ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020, 15 tahun lagi.

Selasa lalu, Abdullah mempengerusikan mesyuarat bersama 10 anggota Panel Penasihat Antarabangsa yang mewakili pakar ekonomi, kewangan, pembangunan dan sosial dari Amerika Syarikat, Eropah dan Asia yang dilantik kerajaan.

Panel itu mengadakan perbincangan selama dua hari bagi membantu Malaysia merumuskan strategi ke-

tika negara memasuki fasa kedua Wawasan 2020 (2006-2020). Fasa pertama wawasan itu bermula 1990 hingga 2005.

Mengenai perkhidmatan awam, Abdullah mahu supaya lebih ramai pegawai muda diberi kuasa untuk membuat keputusan dalam usaha melatih mereka sebagai anggota yang berilmu, berpengalaman dan cekap menjalankan tugas.

Malah, katanya, mereka juga perlu ikhlas, amanah dan rajin menjalankan tugas ke arah memantapkan lagi pentadbiran negara.

"Oleh itu, kita memberi penekanan kepada pembangunan modal insan dalam usaha menambah ilmu pengetahuan, tahu selok-belok menjalankan tugas dan benar-benar memahami tugas yang diamanahkan.

"Apabila mereka sudah mahir dalam aspek ini, mereka boleh membuat keputusan dengan lebih cepat. Begitupun, kerjasama pegawai lain juga penting kerana sebarang kelemahan pada satu pihak akan turut melewati proses membuat keputusan satu pihak lain," katanya.

Dalam pada itu katanya, setiap jabatan pula ada keutamaan sendiri ketika membuat keputusan dan semua itu memerlukan kerjasama serta penyelarasan.

Abdullah berkata, ada pihak mengadu terus bahawa sistem penyampaian kerajaan masih lemah dan mahu kakitangan awam meningkatkan lagi kecekapan ke arah perkhidmatan cemerlang supaya rakyat selaku pelanggan akan rasa berpuas hati.



DAVID KHOO | BERITA HARIAN

BERUCAP: Abdullah berucap pada majlis penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2004 Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, semalam.